

CABARAN KESEJAHTERAAN SURU RUMAH BERPENDIDIKAN TINGGI

Ila Nursalida Ali Amran

Calon Doktor Falsafah, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur
Email: ilanursalida@yahoo.com

Zilal Binti Saari

Pensyarah kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur
Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Ibnu Sina Institute For Scientific And Industrial
Research (ISI-SIR), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru
Email: zilal@utm.my

Zety Azlin Elias

Calon Doktor Falsafah, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor
Email: zety.azlin@yahoo.com

Nurul Atika Mohd Rosli

Calon Sarjana Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor
Email: atika.mohdrosli@gmail.com

ABSTRAK

Wanita berpendidikan tinggi telah menongkah arus perdana dengan memilih suri rumah sebagai kerjaya pilihan berbanding kerjaya profesional. Langkah ini diambil sebagai solusi kepada kepincangan rumah tangga, penyelesaian terhadap kelemahan pusat jagaan dan penyediaan keupayaan anak-anak untuk menghadapi keperluan dunia yang mencabar. Keputusan sukar ini dibuat sebagai perjuangan dan pelaburan masa bagi membangunkan modal insan sebagai aset pembangunan negara. Kertas kerja konsep ini menggunakan teknik ulasan kepustakaan untuk memahami dan mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh suri rumah berpendidikan tinggi bagi membangunkan kesejahteraan dalam kehidupan. Saranan bagi membangunkan kesejahteraan suri rumah juga dibincangkan.

Kata Kunci : suri rumah berpendidikan tinggi, kesejahteraan, cabaran, modal insan, wanita bekerja

PENGENALAN

Kebelakangan ini berlaku fenomena berbalik apabila ramai dalam kalangan wanita berpendidikan tinggi berkecenderungan memilih penumpuan terhadap keluarga berbanding kerjaya (Wulantami, 2018). Wanita berpendidikan tinggi memilih kerjaya sebagai suri rumah sepenuh masa berbanding kerjaya profesional lain yang sepadan dengan latar belakang pendidikan yang dimiliki. Bermula daripada tahun 2015 berlaku penurunan peratusan penglibatan wanita dalam bidang kerjaya. Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita menunjukkan 87.4% wanita terlibat dalam lapangan kerjaya pada tahun 2015 (*Perangkaan Wanita Keluarga Dan Masyarakat*, 2016). Namun begitu ia semakin menurun kepada 86.8% pada tahun 2017 dan menurun lagi kepada 85.9% pada tahun 2019 (*Perangkaan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*, 2019).

Kerjaya sebagai suri rumah bagi wanita yang berpendidikan tinggi dilihat bertentangan dengan dapatan Teori Modal Insan (Becker, 1962). Teori Modal Insan meramal penglibatan wanita berpendidikan tinggi dalam bidang kerjaya profesional. Dari sudut pandang ahli ekonomi, wanita berpendidikan tinggi adalah aset pelaburan yang menyumbang kepada pembangunan negara. Negara akan mengalami kerugian apabila modal yang dilaburkan dalam bentuk pendidikan kepada wanita tidak disalurkan dengan cara penglibatan dalam kerjaya (Norehan Abdullah et al., 2012). Secara kasarnya statistik daripada Jabatan Perangkaan Negara sepertimana yang direkodkan dalam Laporan Perangkaan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (2019) bilangan ahli profesional yang berdaftar pada tahun 2019 didominasi oleh lelaki. Hanya 38% wanita direkodkan sebagai ahli profesional berdaftar pada tahun 2019. Ini membuktikan, walaupun wanita direkodkan lebih ramai mempunyai tahap pendidikan tertinggi berbanding lelaki, namun mereka tidak memfokuskan jenis pekerjaan profesional sebagai kerjaya utama.

Kesukaran mengimbangi antara kerjaya dan rumahtangga menjadi penyebab utama wanita berpendidikan tinggi keluar daripada bidang kerjaya profesional (Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md Salleh, 2005 ; Norehan Abdullah et al., 2012 ; Haryana Rozana Abd Rahim, 2015). Beban tugas berat bagi jawatan tertinggi yang disandang menjadi punca berlakunya ketidakseimbangan antara tugas rumahtangga dan kerjaya (Telaumbanua & Nugraheni, 2018). Perkara ini meningkatkan risiko tekanan, kerisauan dan depresi bagi wanita berkerjaya profesional dengan menggandingkan kerjaya dan pengasuhan anak-anak dalam satu masa (Lebert-Charron et al., 2018). Saranan bagi wanita bekerja untuk memiliki kemahiran yang tinggi dalam aspek pengurusan emosi, kerjaya, keluarga, jagaan anak-anak dan urusan rumahtangga yang lain adalah sangat perlu (Harlina Halizah Siraj, 2014). Konflik dalam rumahtangga akan mudah berlaku apabila kemahiran yang disebutkan tidak dapat ditangani dengan cekap. Ia akan menjejaskan tahap kesejahteraan dalam keluarga. Sepertimana yang dinyatakan oleh Naemah Hamzah et al., (2014) kes penceraihan

direkodkan kian meningkat antara puncanya disebabkan oleh ketidakseimbangan peranan yang dimainkan oleh wanita antara kerjaya dan rumahtangga. Malah salah satu cabaran dalam mencapai indeks kesejahteraan keluarga juga adalah keseimbangan antara kerjaya dan rumahtangga (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 2020).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara spesifik, data yang menunjukkan bilangan suri rumah berpendidikan tinggi di Malaysia tidak ditemukan (Suhaida Mohd Amin et al., 2016). Ini berkemungkinan kerjaya suri rumah dikelaskan oleh Jabatan Statistik Malaysia secara umum di bawah kategori luar tenaga buruh bersama-sama dengan pelajar, pesara dan individu yang tidak berminat mencari pekerjaan tanpa memberi penumpuan terhadap latar belakang pendidikan. Kajian berkaitan suri rumah berpendidikan tinggi yang dijalankan oleh Suhaida Mohd Amin et al., (2016) memerlukan responden wanita berpendidikan tinggi dipilih secara umum dengan membuat klasifikasi bekerja ataupun tidak bekerja. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Haryana Rozana Abd Rahim, (2015) pula terpaksa menggunakan teknik *snowballing* untuk mengenal pasti responden suri rumah berpendidikan tinggi.

Akan tetapi perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, (2019) menunjukkan sebanyak 60.7% wanita yang tidak bekerja disebabkan melakukan kerja-kerja rumah pada tahun 2019 berbanding 59.5% pada tahun sebelumnya. Data ini menggambarkan peningkatan jumlah suri rumah di Malaysia lantaran wanita mengalih fokus terhadap kesejahteraan keluarga dan pengasuhan anak-anak (Haryana Rozana Abd Rahim, 2015 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2017; Tomescu-Dubrow et al., 2019). Ia menjadi sebab utama wanita meninggalkan lapangan kerjaya. Ditambah pula dengan faktor fasiliti penjagaan anak-anak yang kurang berkualiti dan faktor umur anak yang masih kecil mendorong wanita tidak terlibat dalam lapangan kerjaya dan membuat keputusan menjadi suri rumah sepenuh masa (Norehan Abdullah et al., 2012 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2016 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2017).

Sebagai solusi kepada kepincangan rumah tangga, penyelesaian terhadap kelemahan pusat jagaan dan penyediaan keupayaan anak-anak untuk menghadapi keperluan dunia yang mencabar, wanita berpendidikan tinggi mengorak langkah dan mengambil keputusan sukar dengan mengalih arah penumpuan mereka ke arah keluarga sepenuhnya. Fenomena berbalik ini menjadikan kerjaya suri rumah sebuah dilema yang berterusan diantara latihan yang telah diterima di bidang pengajian dengan tugas yang dilakukan setiap hari. Namun begitu, memastikan kesejahteraan dan pembangunan institusi kecil dalam masyarakat ini menjadi tugas utama yang diberi perhatian penting oleh suri rumah berpendidikan tinggi demi menjamin kelestarian hidup yang harmoni dan sejahtera (Abdullah Nasih Ulwan, 1988). Kerjaya sebagai suri rumah sepenuh masa dipilih oleh sebahagian wanita yang berpendidikan tinggi kerana kesukaran menyeimbangkan antara peranan di rumah dan di tempat kerja kadangkala menjadi beban yang tidak tertanggung oleh sebahagian wanita (Colton, 2008).

PENYATAAN MASALAH

Memilih kerjaya suri rumah sebagai pengganti tidaklah membuatkan wanita berpendidikan tinggi sunyi dari sebarang isu dan cabaran. Menurut Sumra & Schillaci, (2015) tugas suri rumah adalah sangat kompleks dan rumit. Sama seperti kerjaya lain, kerjaya suri rumah turut sama dibelenggu dengan isu-isu kesejahteraan yang mengganggu kehidupan seharian. Suri rumah yang menggalas peranan sebagai ibu, isteri, pengasuh anak-anak dan pengurus rumahtangga mempunyai sumbangan dan tahap ketegangannya tersendiri. Lebih-lebih lagi suri rumah yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi seringkali berhadapan dengan konflik samada menyerahkan diri sepenuhnya untuk kerjaya, keluarga atau kedua-duanya kerana ianya bertentangan dengan Teori Modal Insan (Becker, 1962) yang meramal penglibatan individu berpendidikan tinggi dalam bidang kerjaya bagi merangsang ekonomi demi pembangunan negara (Suhaida Mohd Amin & P.Rameli, 2017).

Walaupun bilangan suri rumah dalam masyarakat adalah signifikan, namun kajian saintifik yang dijalankan terhadap mereka sering diabaikan dan kurang diberi perhatian serius (Cranney & Miles, 2016 ; Choudhary & Ahmad, 2017). Ini adalah kerana tugas suri rumah seringkali dilihat sebagai tugas biasa yang telah menjadi rutin setiap wanita (Siti Munirah, 2021). Tugas suri rumah juga jarang dianggap sebagai bermasalah dan mempunyai tahap kesukaran yang tinggi (Putri & Sudhana, 2013 ; Ünal, 2012). Ia diklasifikasikan sebagai tugas tidak formal yang dijalankan oleh wanita secara turun temurun (Bergmann, 2005 ; Putri & Sudhana, 2013). Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneroka cabaran-cabaran kesejahteraan yang dialami oleh suri rumah seterusnya menjelaskan isu-isu yang mereka hadapi dalam membangunkan institusi kecil dalam masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

REALITI SURI RUMAH BERPENDIDIKAN TINGGI

Menurut Cranney & Miles, (2016) kajian khusus mengenai suri rumah sering diabaikan. Oleh sebab itu kebanyakan penyelidikan terkini (Lamb, 2011; Lilian Hughes, 2012 ; Ünal, 2012 ; Posel & Bruce-Brand, 2020) sering merujuk penyelidikan klasik Friedan, (1963) bagi membicarakan perihal suri rumah. Friedan, (1963) telah menulis buku yang bertajuk *The Feminine Mystique* bagi membicarakan permasalahan kebahagiaan wanita sebagai suri rumah. Penerbitan buku ini menyebabkan penyertaan wanita dalam bidang kerjaya meningkat seterusnya mengakibatkan penglibatan wanita sebagai suri rumah telah menurun secara drastik (Posel & Bruce-Brand, 2020). Friedan, (1963) seorang feminis radikal menyatakan suri rumah mempunyai identiti dan tekad diri (*self-determination*) yang rendah sehingga menghalang mereka mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan dalam hidup. Ini adalah kerana, golongan feminis radikal berpandangan bahawa wanita berpendidikan tinggi yang memilih suri rumah sebagai kerjaya sukar mencapai kebahagiaan kerana tidak dapat mencapai tahap kepuasan hidup berikutan terpaksa menjalankan tugas yang sama setiap hari berulang-ulang (Ünal, 2012).

Secara umumnya faktor latar belakang pendidikan tinggi dan kerjaya berupaya meningkatkan kesejahteraan hidup wanita (Posel & Bruce-Brand, 2020). Namun menurut Diener, (1984) latar belakang pendidikan lebih cenderung meningkatkan tahap kesejahteraan hanya apabila digandingkan dengan faktor lain seperti pulangan pendapatan yang lumayan (Mikucka, 2011). Disebabkan kerjaya sebagai suri rumah tidak mendatangkan pulangan kewangan maka Friedan, (1963) berpendapat wanita yang menjalankan tugas rumahtangga adalah sebuah bentuk penindasan dan diskriminasi. Ini selaras dengan pandangan kapitalis yang tidak menganggap kerjaya suri rumah sebagai pekerjaan yang bermakna kerana tidak mendatangkan keuntungan dan pulangan kewangan (Choong, 2021). Lantaran dari pandangan ini, suri rumah merasakan martabat diri mereka rendah berbanding wanita berkerjaya lain yang menjalankan tugas yang lebih bernilai dan profesional (Tomescu-Dubrow et al., 2019). Akan tetapi dari sudut pandang sosial, pendapat ini boleh disangkal dengan meningkatkan jumlah suri rumah berpendidikan tinggi dalam masyarakat sehingga mereka boleh saling menyokong dan memberi manfaat antara satu sama lain serta tidak merasa dipinggirkan (Mikucka, 2011).

Pengaruh pandangan Friedan, (1963) ini telah menular sehingga mewujudkan salah faham dan stigma terhadap kerjaya suri rumah. Ia dibuktikan dengan kajian semasa yang dijalankan oleh Kanwar, (2014) yang mengenalpasti perspektif kerjaya suri rumah dalam kalangan wanita muda berpendidikan tinggi yang sudah berkahwin dan belum berkahwin. Dapatan kajian Kanwar, (2014) mendapati tiga salah faham konsep suri rumah dari sudut pandang generasi muda wanita berpendidikan tinggi. Salah faham yang pertama ialah wanita berpendidikan tinggi yang tidak bekerja dianggap melakukan pembaziran dalam pendidikan. Seterusnya, kerjaya suri rumah dianggap tidak mempunyai peluang untuk meningkatkan pertumbuhan sendiri dan pembelajaran dalam hidup. Manakala salah faham yang terakhir ialah kehidupan suri rumah adalah penuh kebosanan. Pada pandangan mereka pilihan kerjaya suri rumah adalah konflik dalaman antara populariti dan rendah diri. Kajian Kanwar (2014) ini membuktikan pandangan Friedan, (1963) yang tular mengenai suri rumah telah mempengaruhi persepsi wanita muda berpendidikan tinggi walaupun mereka belum berkahwin dan bukan seorang suri rumah.

Antara cabaran yang dihadapi oleh suri rumah dilaporkan melalui kajian klasik yang dijalankan oleh ahli sosiologis barat Lopata, (1971). Beliau menjalankan temubual terhadap 571 orang suri rumah melaporkan suri rumah mempunyai jati diri terencil, lemah, penakut, tidak menganggap suri rumah sebagai kerjaya serta melihat tugas suri rumah dengan pandangan yang sempit. Kajian ini turut disokong oleh Ahmad & Khan, (2018) yang melaporkan suri rumah mempunyai kesihatan mental yang lemah dan estim diri yang rendah disebabkan jaringan sosial yang sempit. Posel & Bruce-Brand, (2020) juga menyokong kajian klasik Lopata, (1971) dengan menyatakan suri rumah mempunyai tahap kesejahteraan subjektif yang rendah dengan kadar kepuasan hidup yang rendah berbanding wanita berkerjaya. Namun begitu Hamplová, (2019) dan Hori, (2017) menegaskan suri rumah secara umumnya lebih gembira berbanding wanita berkerjaya kerana berpuas hati dan berjaya menjalankan tanggungjawab kepada keluarga dan anak-anak. Choudhary & Ahmad, (2017) pula menambah kesejahteraan psikologi suri rumah akan lebih meningkat apabila mereka dapat menjalankan tugas rumahtangga dengan kerjasama daripada pasangan serta mendapat penghargaan dan pengiktirafan masyarakat.

Kajian terkini mengenai suri rumah dijalankan oleh Siti Munirah, (2021) bagi meneroka tahap kepuasan hidup, kadar kemurungan dan kepuasan perkahwinan suri rumah di Malaysia. Dapatan Siti Munirah (2021) mendapati kadar kemurungan yang rendah meningkatkan kadar kepuasan hidup dan menjamin kepuasan perkahwinan. Manakala kolerasi positif antara kepuasan perkahwinan dan kepuasan hidup menunjukkan lebih tinggi tahap kepuasan perkahwinan maka lebih tinggi tahap kepuasan hidup dan lebih rendah tahap kemurungan suri rumah di Malaysia. Dari segi latar belakang pendidikan, kajian Siti Munirah (2021) tidak menemukan perhubungan yang signifikan dengan tahap kepuasan hidup. Namun begitu, purata skor kepuasan hidup suri rumah yang mempunyai latar belakang pelajaran tinggi adalah lebih tinggi daripada purata skor suri rumah yang mempunyai latar belakang pelajaran rendah.

Wulantami, (2018) menjalankan kajian ke atas suri rumah berpendidikan tinggi di Indonesia bagi meneroka faktor yang mendorong wanita berpendidikan tinggi menjadi suri rumah. Wulantami, (2018) mendapati faktor utama wanita berpendidikan tinggi cenderung memilih suri rumah sebagai kerjaya adalah demi kepentingan anak-anak dan keluarga. Ini adalah kerana perkembangan otak kanak-kanak bawah enam tahun berkembang dengan cepat dan pesat. Tempoh ini adalah masa paling berharga untuk pembangunan peribadi dan karakter (Hairuddin, 2014). Menurut Ruggeri et al., (2020) kesejahteraan pada masa akan datang adalah dipengaruhi oleh pembangunan kesejahteraan pada waktu kecil atau usia kanak-kanak. Oleh sebab itu salah satu responden dalam kajian Wulantami, (2018) menyatakan, kerjaya sebagai suri rumah adalah salah satu bentuk tanggungjawab kepada suami dan anak-anak. Responden menyatakan kepuasan mendidik anak-anak dengan tangan sendiri dan menjalankan tugas kewanitaan di rumah berbanding di luar rumah. Dapatan penting dalam kajian Wulantami, (2018) melaporkan suri rumah berpendidikan tinggi memiliki nilai tambah yang tersendiri berbanding suri rumah berpendidikan rendah. Ia meningkatkan kualiti pola pengasuhan anak-anak, hala tuju pendidikan anak-anak dan aplikasi nilai ilmu melalui bidang kepakaran yang dimiliki dalam rumahtangga (Wulantami, 2018).

Perspektif Islam memandang pilihan menjadi surirumah bukanlah satu pilihan yang menjatuhkan martabat wanita berpendidikan tinggi. Bahkan ia memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak dengan lebih baik. Ini kerana, ibu memainkan peranan dalam menyampaikan pendidikan secara tidak formal kepada anak-anak dari segi praktis melalui nasihat, amalan dan tauladan tingkahlaku (Abdul Munir Ismail & Mohd Noor Daud, 2014). Menurut Awaluddin (2021) dan Indana (2018), pendidikan pembangunan akhlak dan keperibadian lebih signifikan diterapkan melalui konsep ketauladanan. Ini adalah kerana anak-anak lebih cenderung untuk meniru perbuatan berbanding patuh kepada nasihat melalui perkataan. Justeru, ibu perlu mempersiapkan dirinya dari segi kecerdasan akal dan ketinggian budi pekerti sebagai tauladan utama buat anak-anak. Tauladan yang dicerminkan oleh ibu penting dalam membina institusi keluarga yang baik seterusnya bertanggungjawab membina masyarakat Islam yang berakhlak mulia (Husna Rahman et al., 2018). Jelas, kecemerlangan sebuah masyarakat terbina dari tangan seorang ibu dan pengaruhnya sangat kuat serta relevan sepanjang zaman (Indana, 2018). Walaubagaimanapun, tidak dinafikan tugas sebagai suri

rumah mempunyai cabaran yang tersendiri sebagaimana pekerjaan yang lain meskipun suri rumah tidak mempunyai majikan dan gaji.

Buat masa sekarang, pihak kerajaan telah menawarkan program-program pembangunan ekonomi khas buat suri rumah. Program pembangunan ekonomi ini dapat meningkatkan kesejahteraan sosial bagi suri rumah. Bagi suri rumah yang ingin kembali menceburi bidang kerjaya, kerajaan dengan kerjasama syarikat agensi berkaitan seperti Talent Corporation Malaysia Berhad telah melancarkan program kembali bekerja (*career comeback*) (Sylvia Nabila Azwa Ambad et al., 2017). Program ini adalah inisiatif kerajaan dalam mendorong suri rumah yang mempunyai pengalaman bekerja untuk kembali ke pasaran buruh. Fenomena ini sering berlaku selepas anak-anak melepasi fasa umur emas dan mula memasuki alam persekolahan (Hori, 2017).

Manakala Kementerian Sumber Manusia melalui agensi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) pula menganjurkan program Skim Peningkatan dan Penambahbaikan Bakat Suri Rumah (HEARTS). Program ini membuka ruang kepada suri rumah mengaplikasikan bakat yang ada dengan bekerja dari rumah atau bekerja dengan masa fleksi yang lebih mudah dan bersesuaian (Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2019). Program ini berjaya meningkatkan peratus penyertaan wanita dalam pekerjaan seterusnya mengekalkan *status qou* wanita disamping kerjaya sebagai suri rumah. Program ini dianjurkan bagi melatih suri rumah berpendidikan tinggi dalam beberapa bidang khusus seperti terjemahan, penyuntingan, pembinaan laman web dan pengurusan media sosial. Bagi suri rumah dari kalangan isi rumah berpendapatan rendah, program 1 Malaysia Support for Housewife (1MS4H) anjuran Kementerian Sumber Manusia di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS) ditubuhkan (Hishamuddin, 2017). Program ini menjana pendapatan tambahan seterusnya meningkatkan taraf hidup suri rumah. Impaknya, jaminan keselamatan ekonomi ditingkatkan untuk kesejahteraan hidup yang lebih baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif melalui pendekatan kaedah kepustakaan. Ia bagi meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh suri rumah berpendidikan tinggi dalam mencapai kesejahteraan. Kaedah ini diperkukuhkan dengan carian informasi dan maklumat menggunakan maklumat sekunder seperti buku, jurnal, artikel akhbar dan informasi daripada laman sesawang rasmi jabatan kerajaan dan bukan kerajaan. Pada peringkat awal, data yang berkaitan dengan latar belakang kajian daripada sumber sekunder dikumpulkan, kemudian dibaca, difahami dan disintesis. Teknik analisis kandungan digunakan bagi menganalisa data yang telah dikumpulkan dan diinterpretasikan dalam bentuk dapatan tema (Siti Uzairah, 2017). Data-data tersebut akhirnya diintegrasikan dengan data sedia ada bagi menyediakan laporan penuh mengenai cabaran kesejahteraan suri rumah berpendidikan tinggi.

DAPATAN KAJIAN

CABARAN KERJAYA SURI RUMAH

Perkahwinan mempunyai matlamat untuk membina keluarga yang sejahtera dan bahagia. Keluarga yang bahagia mampu melahirkan generasi yang hebat seterusnya membentuk sebuah negara yang cemerlang. Justeru, tugas keibuan menjadi fokus utama kerjaya suri rumah. Ianya adalah sebuah tugas yang intensif dan memerlukan latihan yang terperinci (Dillaway & Pare, 2008). Walaupun tugas suri rumah sering dianggap mudah dan remeh kerana ianya mudah dilakukan (Putri & Sudhana, 2013) namun hakikatnya, tugas suri rumah adalah sangat kompleks dan rumit (Sumra & Schillaci, 2015). Ia diklasifikasikan sebagai tugas tidak formal yang dijalankan sejak turun temurun oleh generasi wanita (Bergmann, 2005). Mereka menggalas peranan sebagai ibu, isteri, pengasuh anak-anak dan pengurus rumahtangga. Setiap peranan ini mempunyai sumbangan dan tahap ketegangannya yang tersendiri.

Dari segi kebolehan, suri rumah mungkin dianggap mempunyai tahap kecekapan yang rendah, namun sebenarnya suri rumah mempunyai kecekapan yang tersendiri dari segi urusan tadbir rumah tangga, pengasuhan anak-anak dan pengurusan kekeluargaan (Ridgeway & Correll, 2004). Maka adalah bersesuaian untuk mengandaikan kerjaya suri rumah menyerupai jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dalam organisasi keluarga (Dillaway & Pare, 2008). Namun begitu, suri rumah menghadapi tuntutan kerjaya sepanjang masa 24 jam sehari dan 7 hari seminggu yang memerlukan keberadaan setiap waktu (Ridgeway & Correll, 2004). Berdasarkan analisis kandungan kajian lampau dari sumber sekunder, suri rumah didapati mempunyai cabaran kesejahteraan dari segi jasmani, emosi, mental, intelektual dan sosial.

Cabaran kesejahteraan jasmani

Rutin harian yang padat mendatangkan beban dan keletihan buat suri rumah (Colton, 2008). Suri rumah tidak mempunyai masa untuk diri sendiri (Ünal, 2012) samada untuk menjaga kesihatan ataupun untuk penampilan diri (Damanik, 2014). Disebabkan faktor kesempitan masa, suri rumah lebih cenderung mendapat penyakit sindrom metabolik seperti kegemukan dan berat berlebihan rentetan rutin kerja dan gaya hidup yang tidak aktif (Hamid Jan et al., 2013). Berikutan dengan itu, laporan daripada Khazanah Research Institute (2020) menyatakan suri rumah di Malaysia dilaporkan mempunyai kadar tekanan darah yang lebih tinggi. Ini berkemungkinan disebabkan oleh gaya hidup yang tidak sihat, pemakanan yang tidak seimbang, dan pengurusan tekanan yang tidak baik (Sapora Sipon, 2020). Kesempitan masa, tiada motivasi, kurang sokongan dan kemahiran bersukan menyebabkan suri rumah tidak dapat melibatkan diri dalam aktiviti fizikal (Samir et al., 2011; Tan & Yim, 2010). Disebabkan faktor yang disebutkan, kesejahteraan jasmani suri rumah terganggu.

Cabaran kesejahteraan emosi

Gangguan kesejahteraan jasmani juga boleh menyebabkan gangguan kesejahteraan emosi berlaku. Rutin kerja yang berulang mendatangkan kejemuhan dan kebosanan buat suri rumah (Ünal, 2012). Ini mengakibatkan emosi suri rumah terganggu dengan menjadi cepat marah dan sangat sensitif (Putri & Sudhana, 2013). Suri rumah sebagai ibu dan isteri yang sepatutnya menjadi pendamai dan penyejuk mata seisi keluarga menjadi sukar didekati dan digeruni lantaran ketidakstabilan emosi yang dialami. Jaringan sosial yang rendah menyebabkan suri rumah merasa bosan tanpa teman, sepi dan kesunyian (Harris, 1973). Akhirnya mereka merasa lesu, kusam, penakut dan tidak bermaya (Skoog, 2017).

Cabaran kesejahteraan mental

Keletihan melampau dari segi fizikal dan emosi serta masa yang padat menyebabkan suri rumah mengalami gejala kelesuan upaya mental (*burnout*). Menurut Lebert-Charron et al., (2018) dan Mousavi, (2020) golongan suri rumah adalah antara kumpulan yang lebih cenderung mengalami kelesuan upaya mental (*burnout*) (Mikolajczak et al., 2017). Faktor jaringan sosial suri rumah yang terhad menyebabkan suri rumah mempunyai nilai estim diri yang rendah, depresi dan tekanan (Mehfooz Ahmad & Aqeel Khan, 2018). Secara khusus, kajian yang dijalankan oleh Nabila et al., (2013) mendapati suri rumah berpendidikan tinggi mempunyai nilai estim diri yang rendah dan keresahan yang tinggi (Rafidah Abdullah Hassan & Nur Islami Mohd Teng, 2020) berbanding wanita bekerjaya. Manakala khusus buat suri rumah muda pula, mereka dilaporkan mempunyai tahap kepuasan hidup yang rendah berbanding suri rumah yang lebih berusia (Okulicz-Kozaryn & Valente, 2017). Ini adalah kerana, suri rumah berusia muda mempunyai konflik antara kerjaya dan keluarga. Tekanan yang dihadapi oleh suri rumah membuatkan mereka cenderung untuk tidak menikmati tugas yang mereka jalankan. Ianya mendatangkan ketidakpuasan dalam hidup dan mengganggu kualiti kehidupan (Putri & Sudhana, 2013).

Cabaran kesejahteraan intelektual

Kefahaman Teori Modal Insan (Becker, 1962) yang mana wanita berpendidikan tinggi seharusnya menyertai bidang kerjaya menyempitkan ruang lingkup kepentingan menuntut ilmu. Dari sudut pandang Islam, menuntut ilmu adalah satu keperluan fardhu kifayah yang tidak hanya tertumpu kepada keperluan tuntutan kerjaya. Kebolehan intelektual suri rumah adalah nilai tambah dalam pembangunan institusi keluarga (Wulantami, 2018). Salah faham bahawa keperluan pendidikan tinggi tanpa menyertai lapangan kerjaya profesional adalah kerugian pendidikan, mencabar intelektual suri rumah (Kanwar, 2014). Ia seolah-olah menunjukkan bahawa hanya sinergi pendidikan dengan kerjaya sahaja mampu menjadi bukti kejayaan dan kemajuan wanita dalam hidup (Harlina Halizah Siraj, 2014). Momokan tentang kelebihan memiliki segulung ijazah namun memilih kerjaya sebagai seorang suri rumah menjadi satu bisikan ngeri yang hinggap di telinga suri rumah berpendidikan tinggi (Siti Nadzrah Sheh Omar, 2018). Tanggapan luaran seperti ini mempengaruhi suri rumah berpendidikan tinggi untuk tidak merasa bangga menggalas kerjaya sebagai seorang suri rumah. Dari sudut psikologi, suri rumah mempunyai kesukaran untuk mengiktiraf kebolehan intelektual mereka menyandang jawatan suri rumah sebagai sebuah bentuk kerjaya yang setaraf dengan kerjaya lain. Kajian yang dijalankan oleh Milner (1984) menyatakan graduan suri rumah yang pernah bekerja mempunyai kesukaran untuk menyatakan jenis pekerjaan ketika mengisi borang permohonan. Mereka cenderung untuk menulis pekerjaan seperti bekas guru, bekas jururawat, bekas peguam dan sebagainya berbanding menyatakan atau menulis jawatan suri rumah dengan bangga. Sedangkan jawatan suri rumah telah disediakan sebagai pilihan pekerjaan.

Cabaran kesejahteraan sosial

Cabaran kesejahteraan sosial adalah cabaran terbesar yang dihadapi oleh suri rumah. Kesejahteraan sosial suri rumah terganggu apabila masyarakat tidak mengiktiraf dan memandang serong kerjaya suri rumah kerana tidak memberi imbuhan pulangan berbentuk material (Colton, 2008 ; Ünal, 2012 ; Lebert-Charron et al., 2018; Choong, 2021). Sepertimana Bergmann, (2005) menyifatkan suri rumah adalah sebuah kerjaya yang pelik kerana tugas yang dijalankan adalah berbentuk pekerjaan, namun tidak dianggap sebagai kerjaya. Hal ini adalah kerana tugas tersebut tidak disusuli dengan upah dan perkhidmatannya adalah percuma (Jalilah Md. Shah, 2010). Malah apa yang lebih menyedihkan, suri rumah yang melakukan pelbagai tugas sebagai pekerjaan tidak menerima manfaat pekerjaan bergaji dari sudut psikologi seperti prestij, pengiktirafan sosial, peluang berinteraksi dan pembinaan jaringan sosial yang baik (Mikucka, 2011). Perkara ini mengganggu kesejahteraan sosial suri rumah khususnya bagi suri rumah yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi.

Melakukan pekerjaan tanpa pulangan pendapatan menyebabkan kedudukan ekonomi dan kewangan suri rumah terjejas. Usaha keras yang suri rumah jalankan tidak mendapat imbuhan kewangan yang setara berbanding sekiranya tugas yang sama dilakukan dalam pasaran ekonomi berbayar (Bergmann, 2005). Kesempitan kewangan dan ketidakstabilan ekonomi dalam keluarga kadangkala menyebabkan suri rumah menjadi mangsa keganasan rumahtangga (Fekadu et al., 2018). Sumber kewangan tunggal daripada suami menyebabkan suami berasa lebih berkuasa terhadap suri rumah dan melakukan keganasan terhadap mereka (Bergmann, 2005). Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) pada tahun antara 2009 hingga 2012 mendapati, bilangan kes keganasan rumah tangga adalah membimbangkan. Ia melibatkan golongan wanita termasuk suri rumah sekaligus akan mewujudkan ketidakadilan pada golongan wanita sekiranya tidak ditangani (Masarah Mohamad Yusof et al., 2020)

Komuniti sosial sering mempersoal keputusan wanita menjadi suri rumah sepenuh masa dan menganggapnya sebagai suatu bentuk pembaziran dan pengangguran (Junaidi, 2017). Stigma ini membelenggu dan mengganggu kesejahteraan sosial suri rumah (Bjuggren & Henrekson, 2018). Masyarakat yang mementingkan material dan kebendaan melihat kerjaya yang tidak memberi imbalan kewangan sebagai tidak penting sekalipun beban dan masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikannya adalah lebih berat dan lama serta mendatangkan penjimatan (Bergmann, 2005 ; Jalilah Md. Shah, 2010). Hal ini menyebabkan suri rumah merasakan mereka dipandang rendah oleh masyarakat berbanding wanita bekerjaya yang bekerja di luar rumah.

PERBINCANGAN DAN SARANAN

PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN SURU RUMAH

Dapatan kajian ini sangat signifikan dalam memberi pencerahan dan membuka mata masyarakat serta agensi kerajaan bahawa kerjaya sebagai suru rumah perlu diberi perhatian dan tidak wajar diabaikan. Data yang dianalisa daripada sumber sekunder jelas menunjukkan cabaran kesejahteraan suru rumah merangkumi aspek jasmani, emosi, mental, intelektual dan sosial. Ini membuktikan walaupun kerjaya suru rumah dilihat sebagai kerjaya yang mudah (Putri & Sudhana, 2013), namun ia tidak sunyi daripada sebarang bentuk cabaran dan dugaan. Sorotan literatur telah menunjukkan inisiatif kerajaan dalam membantu pembangunan ekonomi buat suru rumah melalui program seperti program kembali bekerja (*career comeback*) (Sylvia Nabila Azwa Ambad et al., 2017) program Skim Peningkatan dan Penambahbaikan Bakat Suru Rumah (HEARTS) (Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2019) dan program 1 Malaysia Support for Housewife (1MS4H) (Hishamuddin, 2017). Namun begitu inisiatif ransangan ekonomi ini adalah terhad dalam menangani isu kesejahteraan sosial sahaja. Wanita berpendidikan tinggi di Malaysia yang memilih untuk melibatkan diri dengan kerjaya suru rumah adalah dalam kalangan golongan berpendapatan sederhana. Mereka sebahagiannya adalah golongan profesional yang meninggalkan kerjaya dengan tujuan untuk memberi penumpuan penuh kepada keluarga dan pengasuhan anak-anak (Haryana Rozana Abd Rahim, 2015 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2017; Tomescu-Dubrow et al., 2019). Oleh sebab itu mereka dipercayai mampu meningkatkan ekonomi dengan kemahiran dan pengalaman yang mereka ada walaupun berada di rumah.

Justeru, hasil daripada dapatan kajian ini penyelidik berpandangan aspek cabaran lain seperti jasmani, emosi, mental dan intelektual juga harus dititikberatkan dan diberi perhatian penting. Agenda pemerkasaaan wanita seharusnya meliputi keseluruhan aspek sosial, ekonomi, intelektual dan politikal (Choudhary & Ahmad, 2017). Selaras dengan salah satu Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang dibawakan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) iaitu memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik dari segi fizikal dan mental (Nunes et al., 2016), kerajaan disaran untuk memberi perhatian dalam aspek ini terhadap golongan suru rumah berpendidikan tinggi. Aspek pengurusan keluarga dan penjagaan anak-anak yang berat dan menekan memerlukan kemahiran dan latihan yang khusus untuk dijalankan dengan baik (Ridgeway & Correll, 2004 ; Kenneskog, 2016). Aspek pengurusan diri dari segi fizikal dan mental pula adalah perlu bagi memperkasakan wanita dalam membangunkan potensi dan keupayaan mereka membangunkan negara melalui penyediaan modal insan yang sempurna. Pembangunan diri manusia tidak hanya tertumpu kepada salah satu aspek tertentu seperti ekonomi dan sosial semata-mata (Nek Mah, 2020). Hakikat kesejahteraan insan adalah menyeluruh meliputi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Al-Ghazali, 2001; Al-Jauziyah, 2004). Menurut Imroatus Sholihah, (2016) juga kesejahteraan dapat dicapai dengan menggabungkan keutamaan rohani, jasmani, sosial dan intelektual. Justeru, adalah sangat penting bagi pihak kerajaan atau agensi terlibat untuk memberi perhatian dan membuat kajian bagi mengisi kelompongangan dalam pembangunan kesejahteraan suru rumah meliputi keseluruhan aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial.

PENUTUP

Hasil daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa setiap wanita samada berkerjaya atau suru rumah mempunyai beban tanggungjawab dan peranan yang perlu dilaksanakan. Tanggungjawab dan peranan tersebut mempunyai tahap ketenggangannya yang tersendiri dan mempunyai cabaran masing-masing. Tekanan fizikal, mental, intelektual dan sosial tetap diharungi walau apa jua peranan yang dimainkan. Pengiktirafan kepada wanita berpendidikan tinggi yang memilih untuk menjadi surirumah perlu diperkasakan. Sekalipun suru rumah bukan golongan yang menyumbang kepada sektor pekerjaan atau agensi tertentu, namun sumbangan mereka dalam rumahtangga, pembentukan sahsiah anak-anak, memelihara keharmonian dan keseimbangan dalam rumahtangga serta pelbagai nilai murni lain hendaklah diberi penghargaan sewajarnya. Penglibatan wanita berpendidikan tinggi dalam arena ini perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas melangkaui limitasi material dan fizikal. Kerangka konsep kerohanian dan spiritual perlu gabungjalin bagi menghasilkan kerangka yang holistik. Memandangkan kerjaya suru rumah tidak mempunyai majikan khusus, maka pihak kerajaan dan agensi-agensinya perlu menjadi majikan yang menyediakan latihan, keperluan sokongan fizikal, mental, intelektual dan sosial buat mereka.

Dapatan kajian ini terhad kepada kajian kepustakaan melalui sumber sekunder menggunakan teknik analisis kandungan. Justeru, dapatan kajian ini tidak menyeluruh dan mendalam. Limitasi dalam kajian ini dapat diatasi dengan penggabungan data daripada sumber primer melalui penglibatan kerja lapangan bagi mendapatkan hasil dapatan yang lebih spesifik, tepat dan berimpak tinggi.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada ketua projek; Dr Zilal binti Saari dan ahli penyelidikan bagi dua projek bertajuk, "Indikator Kebahagiaan dalam Kalangan Pensyarah Wanita di Universiti Awam Malaysia Menurut Perspektif Islam" tajaan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (No Vot: R.J130000.7853.5F224). Begitu juga dengan projek bertajuk "Pembangunan Profil dan Hierarki Kebahagiaan Menurut Perspektif Islam" tajaan UTM Transdisciplinary Research Grant (UTM-TDRG), Universiti Teknologi Malaysia (No Vot: Q.J130000.3553.05G11). Kami merakamkan penghargaan buat semua ahli akademik dan penyelidik yang terlibat dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail, & Mohd Noor Daud. (2014). Suatu analisis pendekatan Abdullah Nasih Ulwan dalam menangani penyelewengan terhadap pendidikan anak-anak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 3, 23.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan anak-anak dalam islam*. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ahmad, M., & Khan, A. (2018). Quality of Life Among Married Working Women and Housewives Reliability of Module Emotional Intelligence for Children: Building Positive Emotions of Malaysian Children View project Academic Advising in Malaysian Public Universities View project Quality of. In *researchgate.net*.
<https://www.researchgate.net/publication/326584124>
- Al-Ghazali. (2001). *Kimiya' al-sa'adah (Kimia ruhani kebahagiaan abadi)*. (D.S Riyadi & F. Bahreisy, Terj.) Zaman.
- Al-Jauziyah, I. Q. (2004). *Kunci kebahagiaan*. (Abdul Hayyie, Terj.) Akbar Media.
- Awaluddin, F. (2021). Penerapan metode pembelajaran suri tauladan di Era Pandemi. *Jurnal Ilmu Agama Islam*, 3(1), 39–57.
- Becker, G. S. (1962). Investment in Human Capital: A Theoretical Analysis. *Journal of Political Economy*, 70(5, Part 2), 9–49.
<https://doi.org/10.1086/258724>
- Bergmann, B. R. (2005). The Occupation of Housewife. In *The Economic Emergence of Women* (pp. 133–152). Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1057/9781403982582_9
- Bjuggren, C. M., & Henrekson, M. (2018). *Avoiding the housewife stigma: self-employment as a female career choice* (No. 1200; IFN Working Paper). www.ifn.se
- Choong, C. (2021). Wages for Housework : Reflections for Malaysia. *Khazanah Research Institute, July*.
- Choudhary, L., & Ahmad, A. (2017). A study of psychological well-being among housewives and working women of Mithila Region , North Bihar , India. *International Journal of Human Resource & Industrial Research*, 4(2), 8–15.
<https://doi.org/10.5281/zenodo.581475>
- Colton, T. L. (2008). *Women's perception of quality of household work*. University of Saskatchewan.
- Cranney, S., & Miles, A. (2016). Desperate housewives? Differences in work satisfaction between stay-at-home and Employed Mothers. *Journal of Family Issues*, 1–22. <https://doi.org/10.1177/0192513X16663253>
- Damanik, G. T. Y. (2014). *Studi komparatif konsep diri antara ibu rumah tangga tidak berwirausaha dan ibu rumah tangga berwirausaha Maleber Utara*. Universitas Padjadjaran Jatinangor.
- Diener, E. (1984). Subjective well-being. *Psychological Bulletin*, 95(3), 542–575. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.95.3.542>
- Dillaway, H. E., & Pare, E. (2008). Locating mothers: How cultural debates about stay-at-home versus working mothers define women and home. *Journal of Family Issues*, 29(4), 437–464. <https://doi.org/10.1177/0192513X07310309>
- Fekadu, E., Yigzaw, G., Gelaye, K. A., Ayele, T. A., Minwuye, T., Geneta, T., & Teshome, D. F. (2018). Prevalence of domestic violence and associated factors among pregnant women attending antenatal care service at University of Gondar Referral Hospital, Northwest Ethiopia. *BMC Women's Health*, 18(1), 4–11. <https://doi.org/10.1186/s12905-018-0632-y>
- Friedan, B. (1963). *The feminine mystique*. W.W. Norton & Company, Inc. <https://doi.org/10.1037/h0039275>
- Hairuddin. (2014). Pendidikan itu berawal dari rumah. *Jurnal Irfani*, 10(1), 75–91.
- Hamid Jan, Mitra, A. K., Laila Ruwaida, Soo, K. L., & Wan Manan. (2013). Women are at a higher risk of metabolic syndrome in rural Malaysia. *Women and Health*, 53(4), 335–348. <https://doi.org/10.1080/03630242.2013.788120>
- Hamplová, D. (2019). Does Work Make Mothers Happy? *Journal of Happiness Studies*, 20(2), 471–497.
<https://doi.org/10.1007/s10902-018-9958-2>
- Harlina Halizah Siraj. (2014). *Santunan fitrah*. Publisher Karya Bestari.
- Harris, M. (1973). *Satisfaction with the housewife role*. Australian National University.
- Haryana Rozana Abd Rahim. (2015). Dilema wanita berpendidikan tinggi: Faktor-faktor wanita berhenti kerja. *Sarjana*, 30(1), 99–117.
- Hishamuddin. (2017). *National blue ocean strategy*. Kementerian Sumber Manusia. <https://mohr.gov.my/index.php/en/trade-union/9-site-content/75-nbos-archives?boxed=1>
- Hori, M. (2017). Full-time employment and marital satisfaction among women in east asian societies. *Comparative Sociology*, 16(6), 771–787. <https://doi.org/10.1163/15691330-12341444>
- Husna Rahman, Izhar Kashim, & Adnan Pitchan. (2018). Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: Perbincangan dari perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 1–6.
- Imroatus Sholihah. (2016). *Konsep kebahagiaan dalam Al-Qur'an perspektif Tafsir Mutawalli Asy-Sya'rawi dan psikologi positif* [Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang]. <http://etheses.uin-malang.ac.id/id/eprint/5590>
- Indana, N. (2018). Tela'ah nilai-nilai pendidikan akhlak pada kisah Sayyidati Khadijah Istri Rasulullah. *DAR EL-ILMI: Jurnal Studi Keagamaan, Pendidikan Dan Humaniora*, 5(1), 123–144.
- Jalihah Md. Shah. (2010). Triple Role: Suatu Penyingkapan peranan dan Kerja Wanita. *Sosiohumanika*, 3(1), 67–78.
- Junaidi, H. (2017). Ibu rumah tangga: Streotype perempuan pengangguran. *An Nisa'a: Jurnal Kajian Gender Dan Anak*, 12(1), 77–88.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Siti Fauziyani Md Salleh. (2005). Kecemerlangan wanita profesional mengimbangi tugas rumahtangga dan kerjaya: Perspektif Islam. *Seminar Wanita Profesional*.
http://eprints.utm.my/41142/1/JasmiKA2005_KecemerlanganWanitaProfesionalMengimbangiTugas.pdf
- Kanwar, M. (2014). Misconceptions regarding housewives among young females : A psychological perspective. *Indian Journal of Psychological Sciences*.
- Lamb, V. M. (2011). *The 1950 's and the 1960 's and the American woman: the transition from the "housewife " to the feminist*. Universite du Sud Toulon-Var.
- Lebert-Charron, A., Dorard, G., Boujut, E., & Wendland, J. (2018). Maternal burnout syndrome: contextual and psychological associated factors. *Frontiers in Psychology*, 9. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.00885>
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2020). *Laporan indeks kesejahteraan keluarga Malaysia 2019*. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga negara.

- Lilian Hughes, B. . (2012). *The real housewives of postfeminism: False agency and the internalization of patriarchy on reality television*. Georgetown University.
- Lopata, H. Z. (1971). *Occupation Housewife*. Oxford University Press.
- Masarah Mohamad Yusof, Azlinda Azman, Farhana Kamarul Bahrin, & mahathir Yahaya. (2020). Hubungan konflik kewangan terhadap kesejahteraan sosial mangsa wanita dalam isu keganasan rumah tangga. *The 2nd International Conference on Social Work*, 133–143.
- Mehfooz Ahmad, & Aqeel Khan. (2018). Quality of life among married working women and housewives. *Singaporean Journal of Social Science*. <https://www.researchgate.net/publication/326584124>
- Mikolajczak, M., Raes, M.-E., Avalosse, H., & Roskam, I. (2017). Exhausted parents: Sociodemographic, child-related, parent related, parenting and family-functioning correlates of parental burnout. *Journal of Child and Family Studies*, 27(2), 602–614.
- Mikucka, M. (2011). Homemaking and women's well-being in Europe. Effect of divorce risk, selection and dominating gender-role attitudes. In *CEPS/INSTEAD Working Paper Series* (2011-09).
- Milner, J. L. (1984). *Staying home | An ethnography of full-time housewives*. University of Montana.
- Mousavi, S. F. (2020). Psychological well-being, marital satisfaction, and parental burnout in Iranian parents: The effect of home quarantine during COVID-19 outbreaks. *Frontiers in Psychology*, 11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.553880>
- Nabila, S., Rukhsana, B., Madiha, L., Brigitte, K., & Imran, A. S. (2013). Differences in level of self esteem of housewives and working women. *Medical Channel*, 19(3), 48–50.
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari, & Bushrah Basiron. (2014). Faktor sokongan individu terhadap kecemerlangan wanita bekerja dan berumah tangga. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*, 66(1), 5–16. <https://doi.org/10.11113/jt.v67.1994>
- Nek Mah. (2020). Pandemics outbreak in perspective of positive psychology and science. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 477, 500–503. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201017.110>
- Norehan Abdullah, Rahmah Ismail, Zuraidah Mohd Noor, & Fariza Ahmad. (2012). Kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1), 107–117.
- Nunes, A. R., Lee, K., & O'Riordan, T. (2016). The importance of an integrating framework for achieving the Sustainable Development Goals: The example of health and well-being. *BMJ Global Health*, 1(3). <https://doi.org/10.1136/bmjgh-2016-000068>
- Okulicz-Kozaryn, A., & Valente, R. da R. (2017). Life satisfaction of career women and housewives. *Applied Research Quality Life*. <https://link.springer.com/article/10.1007/s11482-017-9547-2>
- Pembangunan Sumber Manusia Berhad. (2019). *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme (Hearts)*. www.hrdf.com.my
- Perangkaan Wanita, keluarga dan Masyarakat*. (2019). Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.
- Perangkaan wanita keluarga dan masyarakat*. (2016). Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.
- Posel, D., & Bruce-Brand, J. (2020). 'Only a Housewife?' Subjective well-being and homemaking in South Africa. *Journal of Happiness Studies*, 22, 323–342. <https://doi.org/10.1007/s10902-020-00232-w>
- Putri, K. A. K., & Sudhana, H. (2013). Perbedaan tingkat stres pada ibu rumah tangga yang menggunakan dan tidak menggunakan pembantu rumah tangga. *Jurnal Psikologi Udayana*, 1(1), 94–105. <https://doi.org/10.24843/jpu.2013.v01.i01.p10>
- Rafidah Abdullah Hassan, & Nur Islami Mohd Teng. (2020). The relationship between physical activity level with depression, anxiety, and stress among full-time housewives in Selangor, Malaysia. *Healthscope: The Official Research Book of Faculty of Health Sciences, UITM*, 3(3), 79–86. <http://healthscopefsk.com/index.php/research/article/view/190>
- Ridgeway, C. L., & Correll, S. J. (2004). Motherhood as a status characteristic. *Journal of Social Issues*, 60(4), 683–700. <https://doi.org/10.1111/j.0022-4537.2004.00380.x>
- Ruggeri, K., Garcia-Garzon, E., Maguire, Á., Matz, S., & Huppert, F. A. (2020). Well-being is more than happiness and life satisfaction: A multidimensional analysis of 21 countries. *Health and Quality of Life Outcomes*, 18(1), 1–16. <https://doi.org/10.1186/s12955-020-01423-y>
- Samir, N., Mahmud, S., & Khuwaja, A. K. (2011). Prevalence of physical inactivity and barriers to physical activity among obese attendants at a community health-care center in Karachi, Pakistan. *BMC Research Notes*, 4(1), 174. <https://doi.org/10.1186/1756-0500-4-174>
- Sapora Sipon. (2020, December 2). Sistem sokongan hindar tekanan dihadapi suri rumah. *Berita Harian*.
- Siti Munirah. (2021). *Life satisfaction, depression and marital satisfaction among housewives in Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Nadzrah Sheh Omar. (2018). *Suri rumah professional. Jutawan di rumah*. Profazz Media Sdn Bhd.
- Siti Uzairah. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temubual*. Aras Publisher.
- Skoog, K. (2017). Neither worker nor housewife but citizen: BBC's. *Women's History Review*, 26(6). <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/09612025.2016.1277837>
- Suhaida Mohd Amin, Mohd Faizal P. Rameli, Azhana Othman, Zunaidah Ab Hasan, & Khalilah Ibrahim. (2017). Decision to work by educated married women. *Advanced Science Letters*, 23(8), 7702–7705. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.9557>
- Suhaida Mohd Amin, Mohd Faizal P. Rameli, Norafifah Ab Hamid, Abdul Qayyum Abdul Razak, & Nor Azlina Abd Wahab. (2016). Labour supply among educated married women. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(4), 110–117.
- Suhaida Mohd Amin, & P.Rameli, M. F. (2017). The need to work by educated Muslim women in Malaysia. In Mohd Faizal P Rameli, Abdul Qayyum Abdul Razak, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, Rawi Nordin, S.Salahudin Suyurno, & Dziauddin Sharif (Eds.), *2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)* (Vol. 4, Issue 3, pp. 57–71). Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UITM Melaka. <http://marefateadyan.nashriyat.ir/node/150>

- Sumra, M. K., & Schillaci, M. A. (2015). Stress and the multiple-role woman: Taking a closer look at the “superwoman.” *PLoS ONE*, *10*(3). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0120952>
- Sylvia Nabila Azwa Ambad, Rimin, F., & Anastasia Harbi. (2017). Determinant of organizational commitment among women employees in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *7*(10). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i10/3371>
- Tan, Z., & Yim, H. S. (2010). Weight status, body image perception and physical activity of Malay housewives in Kampung CHengkau Ulu, negeri Sembilan. *International Journal for the Advance of Science & Art*, *1*(1), 35–45.
- Telaumbanua, M., & Nugraheni, M. (2018). Peran ibu rumah tangga dalam meningkatkan kesejahteraan Keluarga. *Sosio Informa*, *4*(02), 418–436.
- Tomescu-Dubrow, I., Dubrow, J. K., Slomczynski, & M., A. K. K. A. M. K. (2019). Becoming a Housewife. In *The Subjective Experience of Joblessness in Poland* (pp. 81–92). Springer, Cham. <https://doi.org/10.1215/9780822378235-010>
- Ünal, N. (2012). *A comparison of middle and lower middle class housewives*. Ankara University.
- Wulantami, A. (2018). Pilihan rasional keputusan perempuan sarjana menjadi ibu rumahtangga. *Jurnal Dimensia*, *7*(1), 1–22.